

UPM catat hasil komersial penyelidikan terbesar

9/8/07
B. HARIAN:

Oleh Norliza Abdullah

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) mencatatkan hasil komersial produk dan teknologi pelbagai bidang bernilai RM12.8 juta iaitu nilai terbesar dicatatkan di kalangan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dengan nilai perolehan sebanyak RM20.4 juta.

Pegawai Penyelidik Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC), Asrizam Esam, berkata statistik Kementerian Pengajian Tinggi itu mencatatkan jumlah perolehan diterima sehingga September tahun lalu yang merangkumi penjualan 15 produk penyelidikan UPM.

Beliau berkata, ia membabitkan kegiatan penjualan hak pelesenan, penubuhan syarikat, jualan royalti dan hasil produk berkenaan menerusi perjanjian persetujuan antara UPM dan penyelidik serta industri.

Katanya, pengkomersialan teknologi itu disuapipadan dengan pihak industri dan penyelidik menerusi ICC yang diketuai pengarahnya Prof Datuk Dr Mohamed Shariff Mohamed Din.

“Kejayaan ini termasuk hasil penjualan teknologi vaksin bagi ternakan kambing iaitu “Recombinant Pheumonic Mannheimia Vaccine” yang dibeli industri dengan nilai RM4 juta.

“Perjanjian penjualan berkenaan ditandatangani Mei lalu untuk pasaran dalam dan luar negara,” ka-

tanya dalam kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Produk lain baja dedaun Vita-GrowTM yang dihasilkan penyelidik Fakulti Pertanian dengan nilai jualan RM3.7 juta.

Vita-GrowTM, katanya, adalah kombinasi teknologi yang dapat meningkatkan hasil pengeluaran bagi tanaman sehingga 30 peratus dan juga meningkatkan kualiti buah-buahan dihasilkan.

Selain itu, beliau berkata, satu lagi produk penyelidik iaitu Zappa (bahan rawatan benih padi), turut mengaut keuntungan berjumlah RM1.3 juta.

“Kajian berkaitan kawalan penyakit haiwan ternakan Fowl Pox Vaccine juga memberikan pulangan dengan nilai komersial RM1.9 juta. Teknologi lain ialah Newcastle Disease

Vaccine, V4-UPM heat resistant strain, FAST TARGET,” katanya.

Sementara itu, Mohamed Shariff berkata, ICC dan UPM melaksanakan konsep perkongsian pintar dengan industri dalam usaha memasarkan hasil penyelidikan ke pasaran tempatan dan antarabangsa.

Selain itu, beliau berkata, UPM turut mengiktiraf penyelidik dengan memberikan mereka royalti dan ekuiti berdasarkan perbincangan.

Pengiktirafan itu, katanya, dapat menyuntik semangat penyelidik untuk terus menghasilkan yang terbaik dalam usaha menjana ilmu dan teknologi baru.

“Persetujuan dimeterai antara penyelidik dan UPM ini bukan hanya menjana hasil kepada negara dan universiti, malah turut menyumbang kepada penyelidik dengan kadar royalti yang lebih tinggi iaitu sebanyak 75 peratus keuntungan berbanding 50 peratus sebelum ini,” katanya.

Mohamed Shariff yang baru menerajui ICC sejak beroperasi pertengahan tahun lalu berkata, pihaknya kini terus meningkatkan kegiatan mengkomersialkan hasil penyelidikan seiring statusnya sebagai universiti penyelidikan.

Katanya, usaha ICC memindahkan teknologi kepada kegiatan komersial dilaksanakan menerusi tiga kaedah iaitu penubuhan syarikat, penjualan hak pelesenan dan penjualan hak harta intelek.

FAKTA NOMBOR

Jualan produk
penyelidikan IPTA

RM12.8j

Diperoleh UPM

RM20.4j

Nilai jualan semua IPTA